

SOALAN LAZIM eHUTANG

1.	Apakah yang dimaksudkan dengan eHUTANG?
	eHutang merupakan satu kaedah pembayaran hutang yang diperkenalkan oleh Bahagian Pencen, JPA bagi memudahkan Pesara/Penerima Pencen Terbitan/Waris menyelesaikan hutang pencen secara atas talian melalui lima (5) buah bank yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pencen, JPA.
2.	Apakah yang dikategorikan sebagai hutang pesara (eHUTANG)?
	Hutang pesara merangkumi : i. Pencen Terlebih Dibayar (Pesara/Penerima Pencen Terbitan (PT) Meninggal Dunia), ii. Pencen Terbitan (PT) Terlebih Dibayar (contoh : Penerima PT meninggal dunia, anak yg melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT), perkahwinan dalam persaraan yang melebihi tempoh yang telah ditetapkan), dan iii. Ganjaran dan Gantian Cuti Rehat Terlebih Dibayar.
3.	Adakah Pesara/Penerima Pencen Terbitan/Waris boleh menggunakan eHutang bagi pembayaran hutang agensi seperti emolumen terlebih bayar dan pinjaman (komputer, kenderaan dan perumahan)?
	Tidak boleh.
4.	Adakah pembayaran secara <i>interbank</i> dibenarkan bagi eHUTANG?
	Tidak boleh.
5.	Apakah senarai bank yang menyediakan perkhidmatan eHUTANG?
	Senarai bank yang terlibat adalah seperti berikut : i. Maybank Berhad ii. CIMB Bank iii. Affin Bank iv. Bank Islam Berhad v. Bank Muamalat

SOALAN LAZIM eHUTANG

6.	Adakah tatacara pembayaran eHUTANG disediakan?
	Ya. Pesara/Penerima Pencen Terbitan/Waris boleh merujuk kepada Tatacara Penggunaan Kaedah Secara <i>Online</i> yang terdapat di dalam Portal Bahagian Pencen, JPA di http://www.jpapencen.gov.my/ehutang_pesara .
7.	Apakah butiran yang perlu diisi semasa melakukan transaksi di eHUTANG?
	Butiran yang wajib diisi adalah seperti berikut: i. a) Nombor Kad Pengenalan Lama / MyKad Pesara. Contoh : 1234567 / 123456781234 atau b) Nombor Fail Pesara. Contoh : JPA/PEN/123456 atau c) Nombor Pencen Pesara / Penerima Pencen Terbitan. Contoh : 00123456 / 200012345678 ii. Nombor Telefon Pembayar. Contoh : 0123456789
9.	Adakah resit pembayaran perlu dikemukakan?
	Ya. Setelah pembayaran berjaya dilakukan, Pesara/Penerima Pencen Terbitan /Waris perlu memuat turun resit <i>online</i> dan kemukakan melalui emel seperti di bawah: i. ehutang.bphq@jpa.gov.my – untuk pesara/ penerima pencen terbitan/waris di Semenanjung. ii. ehutang.bpsrwk@jpa.gov.my – untuk pesara/ penerima pencen terbitan/waris di Sarawak. iii. ehutang.bpsabah@jpa.gov.my – untuk pesara/ penerima pencen terbitan/waris di Sabah.

SOALAN LAZIM eHUTANG

10.	Adakah terdapat sebarang had bayaran bagi setiap transaksi?
	Tiada.
11.	Adakah penggunaan eHutang dikenakan caj perkhidmatan oleh pihak bank?
	Ya, caj perkhidmatan sebanyak RM0.50 akan dikenakan oleh pihak bank kepada pembayar bagi setiap transaksi.
12.	Bolehkah pembayaran hutang pencen dibuat melalui Kad Kredit, <i>Cash Deposit Machine</i> (CDM), Pindahan Wang melalui ATM atau di Kaunter Bank?
	Tidak boleh.
13.	Adakah akuan penerimaan bayaran dan baki hutang pesara akan dikemaskini setelah transaksi pembayaran berjaya dibuat oleh Pesara/Penerima Pencen Terbitan/Waris ?
	Ya. Akuan penerimaan bayaran dan baki hutang pesara akan dikemas kini dan dihantar kepada Pesara/Penerima Pencen Terbitan/Waris setelah terimaan bayaran tersebut diperakaunkan oleh Bahagian Pencen.
14.	Adakah terdapat kaedah bayaran balik hutang pesara selain dari pembayaran secara atas talian?
	Ya. Pesara/Penerima Pencen Terbitan/Waris boleh membuat pembayaran secara Bank Draf, Kiriman Wang atau Wang Pos di atas nama ' Akauntan Negara Malaysia ' dengan menyatakan nombor fail pesara ke alamat seperti berikut: (Semenanjung) Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam Aras 5, Blok C2, Kompleks C 62510 Putrajaya W.P. Putrajaya

SOALAN LAZIM eHUTANG

atau

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
Jabatan Perkhidmatan Persaraan
Aras Bawah, Skytech Tower 2
MKN Embassy Techzone
Jalan Teknorat 2, Cyber 4
63000 Cyberjaya
SELANGOR

(Sarawak)

Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pencen Cawangan Sarawak
Aras 2, Bangunan Marzuki,
Lot 1656 Seksyen 65
Jalan Tun Dato' Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub
Petra Jaya
93050 Kuching
SARAWAK

(Sabah)

Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pencen Cawangan Sabah
Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS - Sulaman Likas
Peti Surat No. 2061
88450 Kota Kinabalu
SABAH